

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO
(KLANG)**

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes positif COVID-19 yang berlaku dalam penjara, lokap dan pusat tahanan Jabatan Imigresen di seluruh Malaysia secara terperinci berdasarkan lokasi yang terjejas. Nyatakan SOP bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19 berlaku sekali lagi di tempat-tempat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 08 November 2020 jumlah positif COVID-19 dalam kalangan banduan di penjara seluruh negara adalah sebanyak 971 kes bagi anggota serta keluarga anggota adalah 140 kes.

Pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil beberapa pendekatan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di penjara. Sebagai langkah pencegahan, Jabatan Penjara Malaysia telah mengeluarkan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara iaitu Pelan Kontingensi: Tatacara Mencegah Dan Bertindak Dalam Menghadapi Penularan Wabak COVID-19 Di Dalam Penjara. Arahan ini terpakai kepada semua institusi penjara termasuk penjara yang mempunyai banduan wanita dan juga banduan juvana. Jabatan Penjara Malaysia turut mempunyai lain-lain SOP bagi mencegah jangkitan termasuklah SOP yang menetapkan seseorang banduan yang dihantar ke penjara perlu mempunyai keputusan saringan COVID-19.

Selain itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia melalui KDN dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memastikan penularan wabak ini adalah terkawal dalam komuniti penjara. Walaupun tindakan pencegahan dan kawalan penyakit telah diambil, namun penularan wabak ini masih berlaku. Antara faktor penyumbang kepada berlakunya jangkitan COVID-19 di penjara adalah kekangan pengurusan penjara untuk melaksanakan pengasingan banduan baharu disebabkan kesesakan penjara dan kesukaran untuk mengenalpasti banduan yang dijangkiti COVID-19 kerana kebanyakan banduan tidak menunjukkan simptom COVID-19.

Pada 15 Oktober 2020, Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) COVID-19 bil. 29 tahun 2020 telah bersetuju agar KKM melaksanakan ujian pengesanan COVID-19 kepada semua banduan semasa kemasukan bagi memastikan penularan COVID-19 di penjara dapat dicegah sepenuhnya.

SOALAN NO : 115

Seterusnya bagi mengurangkan tahap kebolehjangkitan COVID-19 dalam kalangan banduan serta mengurangkan kesesakan, Jabatan Penjara Malaysia bersama KDN telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- i. Perancangan bagi penempatan banduan sabitan dan reman kategori risiko keselamatan minimum di beberapa bekas kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang akan diwartakan sebagai penjara sementara di bawah seksyen 8 Akta Penjara 1995 dan berfungsi sebagai *admission prison*;
- ii. Mewujudkan pusat-pusat transit di penjara untuk penempatan banduan yang baru dimasukkan ke penjara dengan mengambilkira keperluan pengasingan berdasarkan tarikh-tarikh kemasukan; dan
- iii. Pelaksanaan program-program secara berterusan bagi dua pertiga banduan sabitan yang layak menjalani pemulihan di luar penjara, seperti program parol, perintah kehadiran wajib, reintegrasi penghuni industri, *corporate smart internship* dan pembebasan banduan secara lesen.